

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan memandangkan PDF Lynas akan diletakkan di bawah ‘institutional control’ selama 300 tahun, berapa kos pemantauan serta penyelenggaraan yang terlibat untuk jangkamasa 300 tahun ini. Adakah Lynas akan menanggung kos ini dan bilakah ia akan dibayar sepenuhnya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh Kawalan Institusi (*Institutional Control*) adalah berbeza bagi setiap pepasangan. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) akan membuat penilaian ke atas kemudahan pelupusan kekal (*Permanent Disposal Facility*, PDF) Lynas berdasarkan laporan Kajian Analisa Keselamatan (*Safety Assessment Report*, SAR) yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh operasi kemudahan tersebut sebelum menentukan tempoh kawalan institusi yang bersesuaian.

Kos Kawalan Institusi meliputi kos permonitoran radiologi dan alam sekitar serta penyelenggaraan kemudahan pelupusan yang ditetapkan melalui syarat lesen di bawah Akta 304. Kos ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

Sekian, terima kasih.